



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

TATACARA

PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN / LEBUHRAYA TAHUN 2020

Agensi Berkaitan



<http://esite.kkr.gov.my>

MAKLUMAN

Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan di Dalam Rizab Jalan Persekutuan Tahun 2020 ini berkuat kuasa dari tarikh ia diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan **MENGGANTIKAN SEPENUHNYA:**

- (i) Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan di Dalam Rizab Jalan Persekutuan / Lebuhraya Tahun 2011;
- (ii) Tatacara Permohonan dan Pemasangan Paparan Iklan Jenis *Lightbox* (Berlampu/Tidak Berlampu) Di Rizab Jalan Persekutuan dan Lebuhraya 2011;
- (iii) Tatacara Permohonan dan Pemasangan Paparan Iklan Jenis *Pillar Wrap* Di Rizab Jalan Persekutuan dan Lebuhraya 2014; dan
- (iv) Tatacara Permohonan dan Pemasangan Paparan Iklan Jenis LED *Lightbox* Di Rizab Jalan Persekutuan 2016.

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKASURAT
1	Peruntukan Undang-Undang	1-2
2	Prinsip Asas	3-4
3	Kawasan Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Mendirikan Struktur Paparan Iklan	5-7
4	Kawasan Yang Dilarang Untuk Mendirikan Struktur Paparan Iklan	8-11
5	Jenis-Jenis Struktur Paparan Iklan Yang Dibenarkan	12
6	Keperluan Rekabentuk Dan Saiz Struktur Paparan Iklan	13-31
7	Polisi Am Pembinaan Dan Penyelenggaraan A. Pembinaan B. Penilaian Kandungan Paparan Iklan C. Penyelenggaraan Paparan Iklan D. Ujian Panel Led Lightbox E. Bayaran Yang Dikenakan F. Wang Cagaran G. Insuran Tanggungan Awam H. Proses Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan I. Syarat-Syarat J. Permohonan Melanjutkan Tempoh Kelulusan K. Penyelenggaraan Struktur Paparan Iklan Secara Tahunan L. Tamat Tempoh Kelulusan M. Penguatkuasaan Paparan Iklan	32-55
8	LAMPIRAN	

SENARAI AKRONIM

AKRONIM	PENJELASAN
BEM	Lembaga Jurutera Malaysia <i>Board of Engineers Malaysia</i>
BG	Jaminan Bank <i>Bank Guarantee</i>
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia <i>Civil Aviation Authority of Malaysia</i> *Dahulu dikenali sebagai <i>Department of Civil Aviation (DCA)</i>
CCTV	Kamera Litar Tertutup <i>Closed Circuit Television</i>
CSFJ	Cawangan Senggara Fasiliti Jalan *Salah satu cawangan di bawah JKR Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GPS	Sistem Kedudukan Sejagat <i>Global Positioning System</i>
JD	Jurutera Daerah
JJ	Jurutera Jajahan
JKR	Jabatan Kerja Raya
KKR	Kementerian Kerja Raya Malaysia
LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan *Contoh: Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Hulu Selangor
PE	Jurutera Bertauliah <i>Professional Engineer</i>
PEPC	Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) Professional Engineer with Practising Certificate
RSA	<i>Kawasan Rehat dan Rawat (R&R)</i> <i>Rest and Service Area</i>

SENARAI LAMPIRAN

NOMBOR LAMPIRAN	TAJUK												
A	<p>Carta Alir: Proses Kerja Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</p> <p>**sila rujuk Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut carta alir dan borang-borang bagi permohonan di dalam kawasan rizab Lebuh raya**</p>												
<p>BORANG BAGI JENIS STRUKTUR PAPARAN IKLAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> - POLE (MINIPOLE, UNIPOLE, TWINPOLE) <li style="padding-left: 20px;">- FREESTANDING - PARAPET (JEJANTAS / JEJAMBAT) <li style="padding-left: 20px;">- GANTRI - IKLAN ELEKTRONIK (i-Board) 													
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Nombor Borang:</th> <th style="text-align: left;">Nama Borang:</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Borang PI-1/KKR</td> <td>Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> <tr> <td>Borang PI-1A/KKR</td> <td>Perakuan Setuju Terima</td> </tr> <tr> <td>Borang PI-2/KKR</td> <td>Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi</td> </tr> <tr> <td>Borang PI-2A/KKR</td> <td>Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> <tr> <td>Borang PI-3/KKR</td> <td>Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> </tbody> </table>		Nombor Borang:	Nama Borang:	Borang PI-1/KKR	Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan	Borang PI-1A/KKR	Perakuan Setuju Terima	Borang PI-2/KKR	Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi	Borang PI-2A/KKR	Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan	Borang PI-3/KKR	Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan
Nombor Borang:	Nama Borang:												
Borang PI-1/KKR	Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												
Borang PI-1A/KKR	Perakuan Setuju Terima												
Borang PI-2/KKR	Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi												
Borang PI-2A/KKR	Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												
Borang PI-3/KKR	Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												
<p>BORANG BAGI JENIS STRUKTUR PAPARAN IKLAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> - LIGHTBOX - LED LIGHTBOX - PILLAR WRAP 													
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Nombor Borang:</th> <th style="text-align: left;">Nama Borang:</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Borang PIM-1/KKR</td> <td>Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> <tr> <td>Borang PIM-1A/KKR</td> <td>Perakuan Setuju Terima</td> </tr> <tr> <td>Borang PIM-2/KKR</td> <td>Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi</td> </tr> <tr> <td>Borang PIM-2A/KKR</td> <td>Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> <tr> <td>Borang PIM-3/KKR</td> <td>Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan</td> </tr> </tbody> </table>		Nombor Borang:	Nama Borang:	Borang PIM-1/KKR	Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan	Borang PIM-1A/KKR	Perakuan Setuju Terima	Borang PIM-2/KKR	Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi	Borang PIM-2A/KKR	Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan	Borang PIM-3/KKR	Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan
Nombor Borang:	Nama Borang:												
Borang PIM-1/KKR	Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												
Borang PIM-1A/KKR	Perakuan Setuju Terima												
Borang PIM-2/KKR	Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi												
Borang PIM-2A/KKR	Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												
Borang PIM-3/KKR	Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan												

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

1. Undang-undang yang diperuntukkan bagi mengawal selia struktur paparan iklan di jalan persekutuan atau mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan persekutuan adalah seperti berikut:
 - i. **Seksyen 84, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)**, Kuasa mengalihkan struktur daripada jalan-jalan;
 - ii. **Seksyen 85A, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)**, Pembinaan struktur bagi iklan, dsb.; dan
 - iii. **P.U. (A) 405, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) 2010** dibaca bersama dengan:
 - a. **P.U. (A) 377, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) (Pindaan) 2011;**
 - b. **P.U. (A) 175, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) (Pindaan) 2014;**
 - c. **P.U. (A) 181, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) (Pindaan) 2016;** dan
 - d. **P.U. (A) 301, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2016.**

2. Permohonan untuk mendirikan struktur paparan iklan di rizab jalan persekutuan / lebuhraya adalah tertakluk kepada seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu:-

Pembinaan struktur bagi iklan, dsb.

Seksyen 85A.

- i. *Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (dalam seksyen ini disebut "Menteri" kemudian daripada ini) berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang lain, di dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), jika jalan rizab itu tidak digunakan pada masa itu bagi maksud yang baginya ia dirizabkan, memberikan hak pendudukan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian jalan rizab itu kepada mana-mana orang bagi maksud mendirikan struktur bagi iklan atau pengumuman awam lain bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat, termasuk caj pendudukan, sebagaimana yang Menteri atau pihak berkuasa itu menentukan.*
- ii. *Tiada hak pendudukan sedemikian boleh diberikan melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur struktur itu (termasuk butir-butir yang ditetapkan) telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insuran liabiliti awam, bagi apa-apa jumlah wang yang Menteri atau pihak berkuasa itu memikirkan patut, oleh pemohon sebagai sebahagian daripada syarat bagi kelulusan.*
- iii. *Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia dan mengawal pembinaan struktur itu.*

PRINSIP ASAS

3. Pemasangan paparan iklan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas **3S (Selamat, Sekitar, dan Sesuai)** seperti berikut:-

i. Selamat (Keselamatan awam):

- a. Tidak menghalang / melindungi / mengganggu penglihatan pemandu kenderaan kepada papan tanda lalu lintas, peralatan kawalan lalu lintas, susur masuk / keluar, kenderaan-kenderaan lain, jarak pemandangan pemandu kenderaan dan apa-apa visual yang penting bagi keselamatan dan kelancaran operasi pemanduan;
- b. Tidak disekalikan bersama papan tanda lalu lintas atau peralatan kawalan lalu lintas;
- c. Lokasi kedudukan iklan dipastikan berada di kawasan yang selamat dan bukan kawasan yang berisiko tinggi seperti selekoh dan kawasan kemalangan (*blackspot*);
- d. Tidak menjadi *traffic hazard* kepada pengguna jalan;
- e. Tidak menghalang penglihatan atau laluan pejalan kaki;
- f. Tidak menghalang laluan kecemasan;
- g. Tidak dibina atau diletakkan di atas struktur yang tidak selamat (tanah yang tidak sesuai) atau kawasan yang tidak selamat (kawasan angin kencang, angin lintang, tanah runtuh, dsb.);
- h. Tidak mengganggu / menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan, pengesanan kerosakan dan pemeriksaan terhadap struktur sedia ada seperti *pier column* / rasuk jejambat;
- i. Tidak melindungi kamera litar tertutup (CCTV) yang digunakan bagi pengawalan trafik / jenayah;
- j. Tidak menyilaukan pandangan pengguna jalan raya (bagi paparan iklan yang menggunakan sebarang bentuk lampu bagi tujuan pencahayaan); dan
- k. Struktur paparan iklan hendaklah sentiasa kukuh, selamat dan diselenggara dengan baik.

ii. Sekitar (Alam persekitaran):

- a. Tidak menghalang / mencemarkan keindahan pemandangan persekitaran (kawasan flora yang menarik, pandangan menyeluruh rupa bentuk bandar, istana, rumah kediaman pembesar negeri, rumah-rumah ibadat, kawasan tarikan setempat, struktur estetik sejarah, dsb.);
- b. Tidak menghalang pandangan sekolah, institusi, klinik, hospital, muzium, balai polis, bangunan komersial, dsb.;
- c. Tidak memotong, mencantas, menebang pokok-pokok sedia ada melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada JKR / LLM / PBT / Jabatan Landskap Negara / Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri yang berkaitan;
- d. Sekiranya *Genset* dipasang pada lokasi paparan iklan, pemohon perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan Suruhanjaya Tenaga (ST);
- e. Bahagian belakang struktur paparan iklan atau mana-mana bahagian paparan iklan yang tidak terlibat dengan iklan mestilah dicat serta sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas; dan
- f. Struktur paparan iklan hendaklah sentiasa bersih dan kemas.



iii. Sesuai (Kesesuaian iklan yang dipaparkan):

- a. Mesej dan reka bentuk struktur paparan iklan tidak mengelirukan pemandu kenderaan (menyerupai papan tanda lalu lintas, peralatan kawalan lalu lintas, dsb.) ;
- b. Mesej dan reka bentuk struktur paparan iklan tidak mengalihkan sepenuhnya perhatian pemandu kenderaan (terlalu banyak grafik dan aksara);
- c. Mesej dalam paparan iklan hendaklah tepat atau mendapat kelulusan pihak berkuasa (*Contoh: Produk ubat / makanan yang diiklankan telah mendapat sijil kelulusan produk daripada Kementerian Kesihatan Malaysia/ servis yang berdaftar dsb.*); dan
- d. Mesej dalam paparan iklan hendaklah mendapat kelulusan PBT dan sesuai dengan adat dan norma masyarakat di Malaysia yang mengambilkira sensitiviti pelbagai kaum dan agama.

KAWASAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN

(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab lebuhraya**)



4. Kawasan-kawasan yang boleh dipertimbangkan untuk mendirikan struktur paparan iklan secara amnya adalah seperti berikut:-

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN	CONTOH
i.	<p>Rizab Jalan Persekutuan dengan had laju 90km/j dan ke bawah:</p> <p>- Jarak di antara satu paparan iklan dengan yang lain hendaklah sekurang-kurangnya 300 meter (kecuali struktur iklan jenis <i>Pillar Wrap, Lightbox dan LED Lightbox</i>)</p> <p>*Makluman: Had laju kebangsaan jalan persekutuan adalah 90km/j*</p>	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh: Rizab Jalan Persekutuan dengan had laju 90km/j dan ke bawah. Jarak di antara paparan iklan dengan lain sekurang-kurangnya 300 meter.</i></p>
ii.	<p>Rizab Jalan Persekutuan (Lebuhraya) had laju 90km/j ke atas:</p> <p>- Jarak di antara satu paparan iklan dengan yang lain hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter (kecuali struktur iklan jenis <i>Pillar Wrap, Lightbox dan LED Lightbox</i>)</p> <p>*Makluman: Had laju kebangsaan lebuhraya bertol adalah 110km/j*</p>	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh: Rizab Jalan Persekutuan dengan had laju 90km/j ke atas. Jarak di antara paparan iklan dengan lain sekurang-kurangnya 500 meter.</i></p>

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN	CONTOH
iii.	<p>Pada struktur jambatan / jejantas / jejambat milik Jalan Persekutuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jarak di antara satu paparan iklan dengan yang lain hendaklah sekurang-kurangnya 300 meter mengikut kesesuaian tapak dan geometri; 	 <p><i>Contoh: Struktur jejambat adalah milik Jalan Persekutuan yang merentasi Jalan Negeri. Permohonan perlu dimajukan kepada KKR selaku pemilik struktur jejambat tersebut.</i></p>  <p><i>Contoh: Jarak di antara paparan iklan dengan lain sekurang-kurangnya 300 meter.</i></p>
iv.	<p>Pada struktur tiang lampu jalan (paparan iklan jenis <i>Lightbox</i>, <i>LED Lightbox</i>) mengikut kesesuaian tapak dan geometri;</p>	 <p><i>Contoh: Iklan jenis Lightbox pada struktur tiang lampu jalan</i></p>

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN	CONTOH
v.	<p>Pada struktur tiang (pillar), pier column, Jalan Persekutuan, mengikut kesesuaian tapak dan geometri;</p>	 <p align="center"><i>Contoh: Iklan jenis Pillar Wrap pada struktur tiang jalan</i></p>
vi.	<p>Di dalam kawasan Rehat & Rawat (Rest & Service Area) serta hentian sebelah (<i>Lay-by</i>) yang berada dalam rizab Jalan Persekutuan dan mengikut kesesuaian tapak;</p>	 <p align="center"><i>Contoh: Iklan di dalam kawasan Rehat & Rawat</i></p>
vii.	<p>Paparan iklan yang ingin dipasang dalam kawasan 15 kilometer (km) radius dari lapangan terbang hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016;</p> <p>a) <u>Peraturan 3</u>: Tafsiran di sekitar adalah suatu ruang udara yang ditentukan di sekeliling suatu aerodrom bagi mengawal halangan yang boleh melanggar permukaan had halangan di sekeliling aerodrom, itu yang terletak dalam lingkungan radius 15km dari aerodrom itu;</p> <p>b) <u>Peraturan 28</u>: Menetapkan "seseorang tidak boleh membina suatu bangunan atau struktur di sekitar suatu aerodrom melainkan jika dibenarkan".</p>	 <p align="center"><i>Contoh: Radius 15 km dari landasan lapangan terbang</i></p>



KAWASAN YANG DILARANG MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN

(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab lebuhraya**)


5. Kawasan-kawasan yang dilarang untuk mendirikan struktur paparan iklan secara amnya adalah seperti berikut:-

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG DILARANG	CONTOH
i.	<p>Di dalam kawasan 300 meter sebelum dan 100 meter selepas dari satu-satu papan tanda lalulintas / peralatan kawalan lalu lintas.</p>	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan</i></p>
ii.	<p>Di dalam kawasan 500 meter sebelum mana-mana:</p> <ol style="list-style-type: none"> persimpangan mendatar (at-grade); persimpangan bertingkat (interchange); persimpangan berlampu isyarat; dan persimpangan Rehat & Rawat (R&R) serta hentian sebelah (Lay-by) 	 <p style="text-align: center;"><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan (persimpangan mendatar)</i></p>  <p style="text-align: center;"><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan (persimpangan berlampu isyarat)</i></p>

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG DILARANG	CONTOH
<p>iii.</p>	<p>Di kawasan persimpangan dan jenis-jenis persimpangan adalah seperti berikut:</p> <p>Sumber Rujukan: ATJ 11-/87 Pin.2017</p> <ul style="list-style-type: none"> i. T-Intersections ii. Y-Intersections iii. Staggered intersections iv. Four-legged intersections v. Roundabouts 	<div style="text-align: center;">  <p><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan di persimpangan (simpang empat)</i></p> </div> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  <p><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan di persimpangan (simpang tiga)</i></p> </div>

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

BIL	PENERANGAN KAWASAN YANG DILARANG	CONTOH
iv.	Di jambatan / jejambat / jejantas yang telah dipasang papan tanda petunjuk	 <p align="center"><i>Contoh: Kawasan yang dilarang mendirikan struktur paparan iklan</i></p>
v.	Kawasan di dalam loop persimpangan bertingkat.	 <p align="center"><i>Contoh: Iklan di dalam kawasan loop persimpangan</i></p>
vi.	Selekoh-selekoh yang boleh mengganggu jarak penglihatan pemandu.	<p>Berdasarkan kepada sesi libat urus bersama pihak MIROS, ketepatan seperti berikut diambil kira bagi kawasan selekoh.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Struktur paparan iklan tidak seharusnya dibenarkan di mana-mana selekoh yang menyebabkan pengalihan perhatian pemandu dan jarak penglihatan pemandu kepada paparan iklan terutama di jalan yang mempunyai had laju yang tinggi. ii. Kawasan yang mempunyai had laju yang rendah (60km/j dan ke bawah) boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada penilaian teknikal di tapak oleh wakil daerah. iii. Lain-lain kawasan yang membahayakan pengguna jalan raya.

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

BIL.	PENERANGAN KAWASAN YANG DILARANG	CONTOH
vii.	Di dalam kawasan bulatan roundabout.	
viii.	300 meter sebelum pintu masuk sekolah / institusi pengajian.	
ix.	500 meter sebelum terowong bagi setiap arah laluan dan di dalam terowong.	
x.	Sepanjang Laluan Protokol (<i>rujuk Buku Statistik Jalan daripada CSFJ JKR bagi senarai laluan protokol</i>).	
xi.	Kawasan-kawasan cerun	
xii.	Penambahan paparan iklan di atas struktur sedia ada di lokasi yang sama.	
xiii.	Struktur paparan iklan tidak dibenarkan ditempatkan di dalam rizab sesuatu infrastruktur lain (rizab pencawang / talian elektrik, rizab sungai dan lain-lain) tanpa mendapat kelulusan daripada pihak / agensi yang berkenaan.	
xiv.	Paparannya iklan tidak dibenarkan memasuki ruang udara tanah bersebelahan yang bukan dalam rizab Jalan Persekutuan.	
xv.	Lain-lain kawasan yang membahayakan pengguna jalan raya.	

JENIS-JENIS STRUKTUR PAPARAN IKLAN YANG DIBENARKAN

(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab Lebuhraya**)

6. Jenis-jenis struktur paparan yang dibenarkan adalah seperti berikut:-

i. Pole:

a) Minipole

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan
- iii. 3 paparan

b) Unipole

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan
- iii. 3 paparan

c) Twinpole

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan

d) Lain-lain pole

ii. Freestanding

iii. Gantri

- a) Keseluruhan gerbang gantri (binaan khusus);
- b) Pada bahagian belakang gantri sedia ada;
- c) Lain-lain.

iv. Parapet

- a) **Jejambat;**
- b) **Jejantas pejalan kaki.**

v. Iklan Elektronik (*i-Board*)

vi. *Light box* (Berlampu / Tidak Berlampu)

vii. Peti Cahaya Diod Pemancar Cahaya (LED *Lightbox*)

viii. Bebat tiang (*Pillar Wrap*)

ix. Lain-lain jenis struktur (sila rujuk kepada KKR / LLM bagi semakan lanjut)

x. Paparan kontena


KEPERLUAN LOKASI, REKA BENTUK DAN SAIZ STRUKTUR MENGIKUT JENIS PAPARAN IKLAN

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab Lebuh raya**)*

7. Struktur paparan iklan (termasuk pemasangan pendawaian elektrik sekiranya ada) hendaklah **direka bentuk dan disediakan oleh PEPC yang bertauliah dengan BEM**. Reka bentuk yang dikemukakan hendaklah mengandungi perincian dan mengambil kira keperluan beban, kelajuan angin, asas dan sebagainya serta disahkan selamat. Reka bentuk hendaklah mengikut amalan kejuruteraan terbaik semasa di Malaysia.

8. Selain **panduan seperti di perenggan 3 hingga perenggan 5**, spesifikasi asas bagi struktur paparan iklan yang dibenarkan adalah seperti dalam **JADUAL 1**:


JADUAL 1: SPESIFIKASI STRUKTUR PAPARAN IKLAN

JENIS STRUKTUR	PERINCIAN
<p>MINIPOLE</p> <ul style="list-style-type: none"> i. 1 paparan; ii. 2 paparan; iii. 3 paparan  <p><i>Gambar: Spesifikasi struktur iklan Minipole</i></p>	 <p><i>Gambar: Contoh struktur iklan Minipole</i></p> <p>MAKLUMAT AM:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Struktur paparan iklan bersaiz sederhana; <p>SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Luas maksimum: 110 meter persegi (m²) ; ii. Bilangan tiang: maksimum 2 batang tiang; iii. Had kelegaan menegak minimum: 3 meter; iv. Ketinggian maksimum keseluruhan struktur: 12 meter; v. <i>Setback</i> minimum penghujung struktur paparan iklan: 3 meter dari gigi permukaan berturap (<i>edge of pavement</i>); dan vi. <i>Setback</i> minimum tiang paparan iklan: 7.5 meter dari gigi permukaan berturap (<i>edge of pavement</i>);

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**

UNIPOLE

- i. 1 paparan;
- ii. 2 paparan;
- iii. 3 paparan



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Unipole



Gambar: Contoh Struktur Iklan Unipole (2 paparan)

MAKLUMAT AM:

- i. Struktur paparan iklan bersaiz **besar**;


SPEKIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- i. Luas maksimum: 220 meter persegi (m²) ;
- ii. Bilangan tiang: sebatang tiang;
- iii. Had kelegaan menegak minimum: 8 meter;
- iv. Ketinggian maksimum keseluruhan struktur: 30 meter;
- v. *Setback* minimum penghujung struktur paparan iklan: 3 meter dari gigi permukaan berturap (*edge of pavement*); dan
- vi. *Setback* minimum tiang paparan iklan: 7.5 meter dari gigi permukaan berturap (*edge of pavement*);

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**

TWINPOLE

- i. 1 paparan;
- ii. 2 paparan;
- iii. 3 paparan



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Twinpole



Gambar: Contoh Struktur Iklan Twinpole (2 paparan)



MAKLUMAT AM:

- i. Struktur paparan iklan bersaiz **besar**;

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- i. Luas maksimum: 220 meter persegi (m²) ;
- ii. Bilangan tiang: 2 batang tiang;
- iii. Had kelegaan menegak minimum: 8 meter;
- iv. Ketinggian maksimum keseluruhan struktur: 30 meter;
- v. *Setback* minimum penghujung struktur paparan iklan 3 meter dari gigi permukaan berturap (*edge of pavement*); dan
- vi. *Setback* minimum tiang paparan iklan: 7.5 meter dari gigi permukaan berturap (*edge of pavement*);


GANTRI (BINAAN KHUSUS)



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Gantry



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Gantry yang dibenarkan



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Gantry yang tidak dibenarkan (terdapat struktur tambahan seperti dalam gambar)


MAKLUMAT AM:

- i. Struktur paparan iklan bersaiz **besar** yang akan merentangi sebahagian atau keseluruhan lorong laluan jalan raya;

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- i. Bilangan tiang: Minimum 2 batang tiang;
- ii. Sekiranya struktur gantri merentangi keseluruhan lorong laluan, **keperluan tiang di tengah median adalah tertakluk kepada analisis struktur dan saiz median di tapak**;
- iii. Had kelegaan menegak minimum: 7 meter;
- iv. Ketinggian maksimum keseluruhan struktur: 16 meter;
- v. *Setback* minimum tiang struktur paparan iklan: 3 meter dari gigi permukaan berturap (*edge of pavement*); dan
- vi. Pengadang rel (*guardrail*) hendaklah dipasang pada struktur tiang gantri.

PARAPET JEJAMBAT



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Parapet Jejambat



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Parapet Jejambat


MAKLUMAT AM:

- Struktur paparan iklan bersaiz **sedehana** yang dipasang pada parapet jejambat /jambatan jalan raya/lebuah raya;

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- Struktur paparan iklan ini **hanya dibenarkan dipasang di konkrit** parapet jejambat / jambatan;
- Tinggi maksimum: Tidak melebihi 2 meter ;
- Lebar maksimum: Tidak melebihi lebar *carriageway* arah paparan iklan yang dipaparkan; dan
- Had kelegaan menegak minimum: tidak melebihi aras bawah (*soffit*) jejambat

PARAPET JEJANTAS



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Parapet Jejantas



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Parapet Jejantas yang dibenarkan (wall mounted/design anchor)



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Parapet Jejantas yang tidak dibenarkan

MAKLUMAT AM:

- Struktur paparan iklan bersaiz **sederhana** yang dipasang pada struktur jejantas jalan raya/lebuhraya;

SPEKIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- Pemohon perlu mendapatkan pengesahan secara bertulis bahawa struktur tersebut mampu menampung struktur paparan iklan yang ingin dibina daripada PEPC terlebih dahulu;
- Tinggi maksimum: 2 meter ;
- Lebar maksimum: Tidak melebihi lebar carriageway jalan / bersesuaian dengan lebar jejantas; dan
- Had kelegaan menegak minimum: tidak melindungi pandangan laluan pejalan kaki di jejantas tersebut.

IKLAN ELEKTRONIK (i-Board)

Kesemua jenis struktur paparan iklan yang dimohon yang menggunakan kaedah digital LED dan Spesifikasi struktur bergantung kepada jenis struktur paparan iklan yang dipohon



Gambar: Contoh struktur iklan jenis i-Board

MAKLUMAT AM:

Struktur paparan yang dijana secara **elektronik** yang berkebolehan memaparkan visual secara grafik, bergerak dan bertukar-tukar;

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- i. Keluasan maksima: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.;
- ii. Tinggi maksimum: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.;
- iii. Lebar maksimum: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.;
- iv. Had kelegaan menegak minimum: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.;
- v. *Setback* penghujung struktur paparan iklan: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.; dan
- vi. *Setback* tiang struktur paparan iklan: Seperti yang ditetapkan bagi struktur *minipole*, *unipole*, *freestanding*, *parapet* dsb.;

SPESIFIKASI PAPARAN IKLAN DIGITAL:

1) KECERAHAN

- i. Paparan iklan atau peralatan LED hendaklah mematuhi cerahan maksimum pada pencahayaan peralatan iklan berdasarkan *UK Institution of Lighting Engineer* seperti yang dinyatakan di bawah atau garis panduan yang dikeluarkan oleh MIROS mengikut ketetapan atau garis panduan semasa yang dikeluarkan:

Di kawasan yang mempunyai lampu jalan:	
SIANG	Kadar kecerahan maksimum 1200 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² ;
MALAM	Kadar kecerahan maksimum 300 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² .
Di kawasan tanpa lampu jalan	
SIANG	Kadar kecerahan maksimum 600 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² ;
MALAM	Kadar kecerahan maksimum 150 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² .

- ii. Paparan iklan jenis LED perlu mempunyai **kawalan pencerahan automatik** (*automatic dimming*) untuk mengubah kecerahan paparan bersesuaian dengan kecerahan persekitaran;
- iii. Pencahayaan pada panel LED hendaklah tidak menyilaukan pemandu/ pengguna jalan raya/ lebuhraya;
- iv. *Institution of Lighting Professionals* telah menerbitkan satu garis panduan yang boleh dijadikan rujukan (*PLG 05: The Brightness of Illuminated Advertisements, 2014*). Mengikut garis panduan ini, kadar kecerahan maksimum adalah tertakluk kepada beberapa zon iaitu kawasan luar bandar, kawasan pinggir bandar dan kawasan bandar.

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**

Keluasan kawasan yang diterangi (m ²)	Kadar Kecerahan Maksimum (cd/m ²)		
	Kawasan Luar Bandar	Kawasan Pinggir Bandar	Kawasan Bandar
Sehingga 10	400	600	600
Melebihi 10	200	300	300

Kadar kecerahan tersebut adalah terpakai untuk keadaan pada waktu malam. Walau bagaimanapun, sekiranya kadar kecerahan tersebut masih terlalu cerah atau sesuatu keadaan, ianya perlulah diturunkan mengikut kesesuaian tempat dan keadaan cuaca.

- v. Pemohon perlu memastikan kecerahan visual paparan iklan adalah mendapat pengesahan oleh JKR Elektrik Negeri dan wakil JKR Daerah sewaktu pemasangan struktur di tapak.
- vi. Kesemua paparan iklan mestilah mempunyai meter TNB sendiri dan mestilah mematuhi peraturan/ syarat-syarat daripada TNB sekiranya paparan iklan memerlukan pencahayaan dan menanggung bayaran bil elektrik bagi setiap paparan iklan yang dipasang.

2) TEMPOH TAYANGAN

- i. Tempoh tayangan maksimum yang dibenarkan bagi iklan jenis LED adalah selama **19 jam sehari** iaitu **dari jam 6.00 pagi sehingga jam 1.00 pagi hari berikutnya**;
- ii. Pengiklan perlu mengemukakan laporan tahap kecerahan kepada Bahagian Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya menggunakan alat seperti Minolta LS-100 Luminance Meter atau yang bersesuaian.


3) KADAR KEROSAKAN LAMPU LED

- i. Kadar kerosakan lampu LED yang dibenarkan pada panel paparan adalah sebanyak 10% untuk setiap paparan warna asas; **merah, hijau dan biru (RGB colours)**. Sekiranya satu paparan daripada warna RGB mempunyai kerosakan melebihi 10%, maka paparan tersebut hendaklah diperbaiki dengan segera. Sekiranya kerosakan tidak dapat diperbaiki, maka panel


**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**

	<p>tersebut perlu diturunkan dengan segera (dalam tempoh 24 jam) dan diganti dengan panel yang baharu;</p> <ul style="list-style-type: none">ii. Segala panel yang rosak diturunkan perlu dilupuskan berpandu kepada Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual)2015, Akta Kualiti Alam Sekeliling di bawah buangan berjadual (<i>e-waste</i>) atau garis panduan yang berkuatkuasa semasa; daniii. Paparan LED kosong / tanpa visual adalah tidak dibenarkan. Satu tetapan perlu direka untuk menghentikan paparan iklan sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada paparan iklan jenis LED. <p>4) SPESIFIKASI IKLAN YANG DISAMPAIKAN</p> <ul style="list-style-type: none">i. Tempoh paparan minimum (<i>dwell time</i>) bagi mana-mana paparan berasingan (<i>separate display</i>) adalah tidak kurang dari 10 saat;ii. Masa penukaran paparan yang dipaparkan (<i>transition time</i>) hendaklah sertainstantaneous). Tidak dibenarkan kesan khas seperti <i>fade</i>, <i>zoom</i> atau <i>fly-in</i> dan tidak dibenarkan paparan kosong di antara mesej.iii. Paparan imej bergerak dibenarkan tetapi hanya imej berputar pada paksi menegak (<i>vertical axis</i>) dan tidak dibenarkan memaparkan imej yang beranimasi, bergerak, berkelip dan mempunyai elemen video.iv. Paparan iklan jenis LED TIDAK DIBENARKAN mengandungi paparan merah, hijau atau jingga pada papan tanda yang, jika diterangi pada waktu malam mungkin menyebabkan kekeliruan dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas, isyarat berhenti kenderaan atau lampu belakang kenderaan (<i>traffic control signals or vehicle stop signals or tail lights of vehicles</i>).v. Paparan iklan jenis LED TIDAK DIBENARKAN meniru atau bersaing dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas dan memberi arahan kepada pemandu kenderaan di mana ianya boleh menimbulkan kekeliruan dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas.
--	---

PILLAR WRAP



Gambar: Spesifikasi keratan rentas struktur iklan Pillar Wrap



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Pillar Wrap



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Pillar Wrap

MAKLUMAT AM:


Struktur paparan iklan yang dipasang pada **struktur tiang (pillar), pier column** lebuhraya / jalan raya;

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

- i. Pemasangan hanya dibenarkan menggunakan kaedah **Free Standing Structure With Bracing**. Penggunaan **Anchoring System** adalah tidak dibenarkan;
- ii. Struktur muka setiap paparan boleh dibuka seperti pintu bagi membolehkan pemantauan dan penyelenggaraan struktur tiang. Kos bagi kerja-kerja pembukaan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon;
- iii. Tinggi maksimum keseluruhan struktur: 6 meter;
- iv. Jarak antara satu paparan iklan ke paparan yang lain: Minimum 20 meter;
- v. *Lateral clearance* di antara penghujung permukaan paparan iklan *pillar wrap* ke bahagian hujung garisan laluan (edge line of carriageway): Minimum 1.5 meter;
- vi. *Upper clearance* di antara penghujung permukaan paparan iklan *pillar wrap* ke bahagian *crosshead*: Minimum 2 meter;
- vii. Tidak dibenarkan memasang aksesori tambahan di atas struktur *pillar wrap* yang telah disiap dipasang atau gambar 3D; dan
- viii. Paparan iklan *pillar wrap* mestilah direka bentuk supaya boleh dibuka oleh pihak pemohon bagi tujuan pemeriksaan oleh pihak JKR/LLM sekurang-kurangnya setahun sekali dan pada bila-bila masa sekiranya perlu berbuat demikian. Kos bagi kerja-kerja pembukaan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon. Penggunaan objek berupa manusia, haiwan, dan kenderaan berskala sebenar adalah tidak dibenarkan;

LIGHTBOX

- i. Berlampu;
- ii. Tidak berlampu



Gambar: Spesifikasi struktur iklan Lightbox (Berlampu / Tidak Berlampu)



Gambar: Contoh struktur iklan jenis Lightbox


MAKLUMAT AM:

- i. Struktur paparan iklan yang dipasang pada **struktur tiang lampu** di jalan raya/lebuhraya;

SPEKIFIKASI STRUKTUR IKLAN

- i. Maksimum 100 tiang bagi setiap permohonan;
- ii. Pemasangan paparan *Lightbox* hanya dibenarkan untuk dipasang di laluan lurus;
- iii. Tidak dibenarkan dipasang di selekoh tajam/susur keluar yang membahayakan pengguna jalan raya;
- iv. Lebar pembahagi jalan (*median*): Minimum 7 kaki /2.1m;
- v. Jarak undur (*setback*) penghujung struktur dengan edge of pavement tidak kurang daripada 610mm;
- vi. Jarak kelegaan menegak ialah 15 kaki dari atas lantai; dan
- vii. Jarak antara papan iklan: Minimum 150 meter.

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**




Gambar: Spesifikasi keratan rentas struktur iklan Lightbox (Berlampu / Tidak Berlampu)

RINGKASAN SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN

Tinggi maksima	7 kaki
Lebar maksima	3 kaki
Tebal maksima	65 mm
Berat maksima	20 kilogram
Rangka Asas	<i>Stainless Steel</i>
Pencahayaan (Bagi Lightbox Berlampu)	Lampu tiub (EFL)
Bingkai	Aluminium
Penutup skrin/visual	Polycarbonate (2mm – 6mm)
Tetupai (<i>Bracket</i>)	<i>Stainless Steel</i>

LED LIGHTBOX



Gambar: Spesifikasi keratan rentas struktur iklan LED *Lightbox*



Gambar: Contoh struktur iklan jenis *Lightbox*


MAKLUMAT AM:

- Struktur paparan iklan yang dipasang pada **struktur tiang lampu** di jalan raya/lebuhraya; dan
- Struktur paparan iklan ini **dijana secara elektronik** yang berkebolehan memaparkan visual secara grafik, bergerak dan bertukar-tukar.

SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN

- Maksimum 50 tiang bagi setiap permohonan;
- Pemasangan paparan LED *Lightbox* hanya dibenarkan dipasang di laluan lurus dan tidak dipasang di lain-lain kawasan yang membahayakan pengguna jalan raya;
- Lebar pembahagi jalan (*median*): Minimum 7 kaki/ 2.1m;
- Jarak kelegaan menegak ialah 15 kaki dari atas lantai;
- Jarak undur (*setback*) minimum di antara penghujung permukaan paparan iklan ke bahagian hujung garisan laluan bahu jalan (*edge line of carriageway*): Minimum 2 kaki;
- Untuk bahagian jalan (bahu atau median) yang dipasang kerb atau penghadang jalan, jarak undur setback minimum antara penghujung permukaan paparan iklan LED *lightbox* ke bahagian penghujung permukaan paparan iklan jenis LED *lightbox* ke bahagian penghujung permukaan kerb atau penghadang jalan yang dibenarkan adalah 610mm; dan
- Jarak antara papan iklan hendaklah tidak menimbulkan kekeliruan dan gangguan konsentrasi kepada penglihatan pemandu.

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**



Gambar: Spesifikasi struktur iklan LED Lightbox

RINGKASAN SPESIFIKASI STRUKTUR IKLAN:

Tinggi maksima	7 kaki
Lebar maksima	3 kaki
Tebal maksima	65 mm
Berat maksima	20 kilogram
Rangka Asas	<i>Stainless Steel</i>
Bingkai	Aluminium
Penutup skrin/visual	Polycarbonate (2mm – 6mm)
Tetupai (Bracket)	<i>Stainless Steel</i>
Jarak minimum antara paparan iklan jenis LED Lightbox	150m

SPESIFIKASI PAPARAN IKLAN DIGITAL

1) KECERAHAN

- i. Paparan iklan atau peralatan LED hendaklah mematuhi cerahan maksimum pada pencahayaan peralatan iklan berdasarkan *UK Institution of Lighting Engineer* seperti yang dinyatakan di bawah atau garis panduan yang dikeluarkan oleh MIROS mengikut ketetapan atau garis panduan semasa yang dikeluarkan:

Di kawasan yang mempunyai lampu jalan:	
SIANG	Kadar kecerahan maksimum 1200 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² ;
MALAM	Kadar kecerahan maksimum 300 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² .

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020**

Di kawasan tanpa lampu jalan	
SIANG	Kadar kecerahan maksimum 600 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² ;
MALAM	Kadar kecerahan maksimum 150 cd/m² bagi kawasan paparan iklan diterangi pada keluasan 2.0 m ² - 5.0 m ² .

- ii. Paparan iklan jenis LED perlu mempunyai **kawalan pencerahan automatik** (*automatic dimming*) untuk mengubah kecerahan paparan bersesuaian dengan kecerahan persekitaran;
- iii. Pencahayaan pada panel LED hendaklah tidak menyilaukan pemandu/ pengguna jalan raya/ lebuhraya;
- iv. *Institution of Lighting Professionals* telah menerbitkan satu garis panduan yang boleh dijadikan rujukan (*PLG 05: The Brightness of Illuminated Advertisements, 2014*). Mengikut garis panduan ini, kadar kecerahan maksimum adalah tertakluk kepada beberapa zon iaitu kawasan luar bandar, kawasan pinggir bandar dan kawasan bandar;

Keluasan kawasan yang diterangi (m ²)	Kadar Kecerahan Maksimum (cd/m ²)		
	Kawasan Luar Bandar	Kawasan Pinggir Bandar	Kawasan Bandar
Sehingga 10	400	600	600
Melebihi 10	200	300	300

Kadar kecerahan tersebut adalah terpakai untuk keadaan pada waktu malam. Walau bagaimanapun, sekiranya kadar kecerahan tersebut masih terlalu cerah atau sesuatu keadaan, ianya perlulah diturunkan mengikut kesesuaian tempat dan keadaan cuaca.

- v. Pemohon perlu memastikan kecerahan visual paparan iklan adalah mendapat pengesahan oleh JKR Elektrik Negeri dan wakil JKR Daerah sewaktu pemasangan struktur di tapak; dan

- vi. Kesemua paparan iklan mestilah mempunyai meter TNB sendiri dan mestilah mematuhi peraturan/ syarat-syarat daripada TNB sekiranya paparan iklan memerlukan pencahayaan dan menanggung bayaran bil elektrik bagi setiap paparan iklan yang dipasang.

2) TEMPOH TAYANGAN

- i. Tempoh tayangan maksimum yang dibenarkan bagi iklan jenis LED adalah selama **19 jam sehari** iaitu **dari jam 6.00 pagi sehingga jam 1.00 pagi hari berikutnya**; dan
- ii. Pengiklan perlu mengemukakan laporan tahap kecerahan kepada Bahagian Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya menggunakan alat seperti Minolta LS-100 Luminance Meter atau yang bersesuaian.

3) KADAR KEROSAKAN LAMPU LED

- i. Kadar kerosakan lampu LED yang dibenarkan pada panel paparan adalah sebanyak 10% untuk setiap paparan warna asas; **merah, hijau dan biru** (RGB colours). Sekiranya satu paparan daripada warna RGB mempunyai kerosakan melebihi 10%, maka paparan tersebut hendaklah diperbaiki dengan segera. Sekiranya kerosakan tidak dapat diperbaiki, maka panel tersebut perlu diturunkan dengan segera (dalam tempoh 24 jam) dan diganti dengan panel yang baharu;
- ii. Segala panel yang rosak diturunkan perlu dilupuskan berpandu kepada Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual)2015, Akta Kualiti Alam Sekeliling di bawah buangan berjadual (e-waste) atau garis panduan yang berkuatkuasa semasa; dan
- iii. Paparan LED kosong / tanpa visual adalah tidak dibenarkan. Satu tetapan perlu direka untuk menghentikan paparan iklan sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada paparan iklan jenis LED.

TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN/LEBUH RAYA TAHUN 2020

	<p>4) SPESIFIKASI IKLAN YANG DISAMPAIKAN</p> <ul style="list-style-type: none">i. Tempoh paparan minimum (<i>dwell time</i>) bagi mana-mana paparan berasingan (<i>separate display</i>) adalah tidak kurang dari 10 saat;ii. Masa penukaran paparan yang dipaparkan (<i>transition time</i>) hendaklah sertainstantaneous). Tidak dibenarkan kesan khas seperti <i>fade</i>, <i>zoom</i> atau <i>fly-in</i> dan tidak dibenarkan paparan kosong di antara mesej;iii. Paparan imej bergerak dibenarkan tetapi hanya imej berputar pada paksi menegak (<i>vertical axis</i>) dan tidak dibenarkan memaparkan imej yang beranimasi, bergerak, berkelip dan mempunyai elemen video;iv. Paparan iklan jenis LED TIDAK DIBENARKAN mengandungi paparan merah, hijau atau jingga pada papan tanda yang, jika diterangi pada waktu malam mungkin menyebabkan kekeliruan dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas, isyarat berhenti kenderaan atau lampu belakang kenderaan (<i>traffic control signals or vehicle stop signals or tail lights of vehicles</i>); danv. Paparan iklan jenis LED TIDAK DIBENARKAN meniru atau bersaing dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas dan memberi arahan kepada pemandu kenderaan di mana ianya boleh menimbulkan kekeliruan dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas.
--	---

POLISI AM BAGI PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN SEMUA JENIS STRUKTUR PAPARAN IKLAN

A. PEMBINAAN

1. Rekabentuk struktur paparan iklan mestilah mempunyai perincian dan mengambilkira keperluan beban, kelajuan angin, *anchoring system* dan lain-lain beban yang akan ditampung oleh struktur berkenaan. Reka bentuk struktur tersebut perlu dipastikan selamat dan berat paparan iklan mampu ditampung oleh struktur sedia ada/baru.
2. Reka bentuk yang dikemukakan mesti mengandungi perincian dan mengambilkira keperluan beban, kelajuan angin, asas dan dipastikan selamat serta boleh ditampung oleh struktur tiang lampu yang dipasang.
3. Reka bentuk yang dikemukakan juga mestilah disahkan selamat dan direka bentuk mengikut amalan kejuruteraan semasa di Malaysia termasuk pemasangan pendawaian elektrik. Reka bentuk tersebut perlu mematuhi amalan kejuruteraan mekanikal dan elektrik yang digunapakai di Malaysia bagi kerja-kerja pendawaian dan elektrik.
4. Semua reka bentuk struktur paparan iklan perlu direka bentuk dan disediakan oleh Jurutera Professional yang bertauliah dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Semua pelan yang dikemukakan ke pejabat JKR Daerah adalah yang terkini dan disahkan oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) mengikut disiplin kejuruteraan.
5. Semua struktur yang dipasang dengan lampu limpah (floodlight) dan semua paparan iklan berlampu jenis i-board dan LED perlu mempunyai meter elektrik yang berasingan dengan lampu jalan dan mematuhi syarat-syarat/peraturan daripada syarikat pembekal elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB).
6. Semua bayaran yang berkaitan dengan bekalan elektrik ke struktur paparan iklan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon sehingga tamat tempoh kelulusan dan mematuhi syarat-syarat/peraturan daripada syarikat pembekal elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB).
7. Sekiranya didapati menggunakan bekalan elektrik secara tidak sah, kelulusan akan terbatal dan ditarik balik serta merta.
8. Permit mula kerja perlu diperolehi daripada pejabat JKR Daerah sebelum memulakan sebarang kerja di tapak dan dikemukakan bersama dengan Pelan Kawalan Trafiik (TCP) bagi kerja pemasangan struktur serta Method Statement kerja.

9. Pelan Kawalan Trafik (TCP) hendaklah disediakan Pegawai Pengurusan Trafik (TMO) dan disahkan oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) dalam disiplin Kejuruteraan Awam.
10. PEPC perlu membuat perakuan selepas kerja-kerja pemasangan struktur iklan siap sepenuhnya dan PEPC yang dilantik oleh pemohon hendaklah menjalankan penyeliaan dan pemeriksaan untuk memastikan mutu kerja dijalankan mengikut pelan kelulusan dan spesifikasi Method Of Statement;
11. Struktur paparan iklan tidak merosakkan dan/atau mencemarkan keindahan alam sekitar di jalan Persekutuan/ lebuhraya dan juga tidak menghalang atau melindungi pandangan bangunan/ institusi/ struktur ekestetik sejarah, rumah ibadat dan komersial sedia ada;
12. Pemohon tidak dibenarkan memotong, mencantas, menebang pokok-pokok sedia ada melainkan setelah mendapat kelulusan/kebenaran daripada JKR/PBT.
13. Paparan iklan yang ingin dipasang dalam kawasan 15 kilometer (km) radius dari lapangan terbang hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Pencapaian bagi struktur paparan iklan di kesemua aerodrom di Malaysia perlu mematuhi Peraturan 63, Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016;
 - i. Tiada seorang pun boleh mengunjurkan cahaya berhampiran dengan suatu aerodrom yang dengan silauannya boleh membahayakan keselamatan kapal udara yang tiba atau berlepas dari aerodrom itu; dan
 - ii. Jika pada pendapat Ketua Pegawai Eksekutif, *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM), suatu cahaya boleh membahayakan keselamatan suatu kapal udara, Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM boleh mengarahkan orang yang mengendalikan atau mengawal cahaya itu untuk memadamkan cahaya itu dan menghalang pengunjuran cahaya itu bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM

B. PENILAIAN KANDUNGAN PAPARAN IKLAN

1. Mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan memastikan kandungan paparan memelihara keharmonian dengan mengelakkan perkara yang bertentangan dengan norma budaya masyarakat negara ini serta mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa;

2. Memastikan iklan adalah selamat untuk paparan awam dan tidak mengakibatkan alih perhatian tinggi kepada pemandu dan pencahayaan pada paparan iklan berlampu hendaklah tidak menyilaukan pemandu/pengguna jalan raya/ lebuh raya;
3. Bagi paparan iklan jenis LED *Lightbox* kandungan paparan iklan dengan ketinggian huruf minimum 120 mm dan maksimum 160mm, tidak boleh melebihi 6 perkataan dengan maksimum 40 aksara (*character*) dan **TIDAK DIBENARKAN** mengandungi paparan merah, hijau atau jingga pada papan tanda jika diterangi pada waktu malam yang mungkin menyebabkan kekeliruan dengan papan tanda atau isyarat kawalan lalulintas, isyarat berhenti kenderaan atau lampu belakang kenderaan (*traffic control signals or vehicle stop signals or tail lights of vehicles*); dan
4. Meletakkan logo JKR / LLM di setiap paparan beserta dengan nombor kelulusan; dan
5. Paparan *lightbox* kosong / tanpa visual adalah tidak dibenarkan.

C. PENYELENGGARAAN PAPARAN IKLAN

1. Kesemua panel yang dipasang hendaklah diaudit dari semasa ke semasa atau sekurang-kurangnya setiap 6 bulan untuk memastikan semua panel berada dalam prestasi operasi yang optimum di atas jalan raya;
2. Sentiasa menyelenggara dan memastikan keadaan paparan iklan jenis LED/ iBOARD dan kesemua jenis iklan yang lain dipasang adalah dalam keadaan baik dan memastikan pencahayaan paparan iklan berfungsi;
3. Bagi struktur *lightbox* yang mempunyai satu paparan / panel sahaja, bahagian belakangnya perlu ditutup agar kelihatan kemas dan mengganti penutup skrin/visual sekurang-kurangnya sekali setahun;
4. Paparan iklan tidak mengganggu kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeriksaan terhadap struktur sedia ada seperti *pier column*, jejambat, jejantas, tiang lampu dan lain-lain struktur sedia ada dan melaporkan segera kepada pihak JKR sekiranya mengesan sebarang keretakan atau kerosakan pada struktur sedia ada; dan
5. KKR/JKR berhak mengarahkan pihak pemohon mengalihkan struktur paparan iklan ke lokasi lain atau merobohkan/ membuka sekiranya diperlukan dengan memberi notis awal dan pihak pemohon mestilah menanggung kesemua kos tersebut.

D. UJIAN PANEL LED LIGHTBOX

1. UJIAN KESELAMATAN

i. Ujian *Ball Pressure*

Ujian ini dilaksanakan untuk menguji ketahanan panel terhadap haba. Ujian dilakukan mengikut Klausula 13.2 IEC 60598-1 pada suhu 125oC selama 1 jam.

ii. Ujian *Impact*

Ujian ini dilaksanakan untuk menguji ketahanan panel terhadap impak pada 20J. Ujian dilakukan mengikut piawaian IEC 62262.

iii. Ujian *Glow Wire*

Ujian ini dilaksanakan untuk menguji ketahanan panel terhadap pencucuhan api. Ujian dilakukan mengikut Klausula 13.3.2 IEC 60598- 1 selama 30 saat.

iv. Ujian Keselamatan

Ujian keselamatan yang disyorkan mengikut piawaian IEC 60065:2014 adalah perkakas elektronik yang direka bentuk untuk menerima saluran elektrik. Ujian ini juga akan memastikan panel paparan iklan digital ini mematuhi Ujian Perlindungan Bocor ke Bumi (*Earth Leakage Protection Test*).

2. UJIAN PHOTOBIOLOGY

Ujian keselamatan mengikut piawaian IEC 62471 yang disyorkan untuk mempertimbangkan potensi bahaya kepada badan manusia yang akibat daripada pendedahan kepada radiasi optik.

3. UJIAN ELECTROMAGNETIC COMPATIBILITY

Untuk memastikan peralatan digunakan mematuhi piawaian yang ditetapkan dan mengelakkan daripada ia menjadi tidak selamat atau merbahaya. Peralatan yang digunakan juga harus dipastikan agar ia tidak dipengaruhi oleh peralatan elektronik lain di sekelilingnya

4. UJIAN KETAHANAN PERSEKITARAN

Ujian ketahanan persekitaran mengikut piawaian IEC 61747-5 yang menguji ketahanan kepada haba, tekanan udara, suhu persekitaran bagi memastikan ketahanan panel terhadap faktor persekitaran.

5. UJIAN INGRESS PROTECTION

Ujian ini menunjukkan darjah perlindungan dari gerakan serta perlindungan peralatan dari bendasing menurut piawaian IEC 60529. Ia juga menentu aras perlindungan dari pelbagai bentuk lembapan (titisan, semburan, serapan dan lain-lain).

6. PENSIJILAN PANEL

Semua panel paparan elektronik LED *lightbox* yang dipasang perlu disertakan dengan pensijilan yang diiktiraf oleh badan piawaian antarabangsa. Pensijilan juga wajib mematuhi semua ujian yang dinyatakan di atas. Sekiranya, pihak yang melulus tidak berpuas hati dengan pensijilan yang disertakan oleh pemohon, maka pihak yang melulus berhak menuntut pemohon untuk menguji semula sampel panel. Pensijilan boleh diperolehi melalui makmal tempatan yang berkredibiliti untuk mengeluarkan pensijilan yang diperlukan.

JADUAL 1.1: RINGKASAN SAIZ DAN REKA BENTUK STRUKTUR PAPARAN IKLAN

JENIS STRUKTUR	BILANGAN TIANG	KELUASAN MAKSIMA PAPARAN (m ²)	HAD KELEGAAN MENEGAK (m)	KETINGGIAN MAKSIMA STRUKTUR (m)
Minipole	1 atau 2	110	3	12
Unipole	1	220	8	30
Twinpole	2	220	8	30
Freestanding	2	75	3	12
Gantri (Binaan Khusus)	Minimum sebanyak 2 tiang dan keperluan tiang di tengah adalah bergantung kepada analisis struktur dan saiz median di tapak	Maksima tinggi 8 meter x kelebaran lorong	7	16
Parapet Jambatan / Jejambat	Dipasang pada konkrit parapet jambatan / jejambat	Maksima tinggi 2 meter x kelebaran jambatan / jejambat (tidak melebihi lebar carriageway jalan)	Tidak melebihi aras bawah (<i>soffit</i>) jejambat	Sila rujuk Jadual 1
Parapet Jejantas Pejalan Kaki	Dipasang pada jejantas pejalan kaki (Struktur disahkan selamat dan kukuh secara bertulis bagi muatan struktur iklan oleh PE)	Maksima tinggi 2 meter x kelebaran jejantas (tidak melebihi lebar carriageway jalan)	Tidak melindungi pandangan laluan pejalan kaki di jejantas tersebut	Sila rujuk Jadual 1
Iklan Elektronik (<i>i-Board</i>)	Bergantung kepada jenis struktur iklan yang dimohon	Bergantung kepada jenis struktur iklan yang dimohon	Bergantung kepada jenis struktur iklan yang dimohon	Bergantung kepada jenis struktur iklan yang dimohon
Lightbox (Berlampu / Tidak Berlampu)	Dipasang pada tiang lampu	Sila rujuk Jadual 1	2.5	Sila rujuk Jadual 1
LED Lightbox	Dipasang pada tiang lampu	Sila rujuk Jadual 1	2.5	Sila rujuk Jadual 1
Pillar Wrap	Dipasang pada struktur tiang (<i>pillar</i>), <i>pier column</i> atau rasuk jejambat milik Jalan Persekutuan	Sila rujuk Jadual 1	0.5	Sila rujuk Jadual 1
Lain-lain struktur	Tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Paparan Iklan KKR / LLM dan kelulusan YB Menteri Kerja Raya			

E. BAYARAN YANG DIKENAKAN

Setiap permohonan untuk mendirikan papan iklan dikenakan bayaran seperti berikut:

Bayaran bentuk kiriman wang / wang pos / draf bank atas nama KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN KERJA RAYA;

i. Bayaran Fi Pemprosesan

- ✓ Bayaran fi pemprosesan perlu dijelaskan oleh pemohon semasa mengemukakan slip permohonan / borang permohonan kepada KKR.
- ✓ Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran fi pemprosesan dalam tempoh **30 hari** tidak akan diproses dan secara automatik permohonan tersebut adalah terbatal.
- ✓ Bayaran ini dikenakan bagi setiap permohonan untuk setiap lokasi dan **tidak akan dikembalikan** sama ada permohonan tersebut lulus ataupun tidak. Jumlah bayaran adalah seperti di **Jadual 2**.

JENIS	BAYARAN FI PEMROSESAN (RM)
<i>POLE</i> - <i>Minipole</i> - <i>Unipole</i> - <i>Twinpole</i>	1,000
<i>FREESTANDING</i>	500
GANTRI	1,000
PARAPET - Jejambat - Jejantas	500
IKLAN ELEKTRONIK (<i>i-board</i>)	500
<i>LIGHTBOX</i> - Berlampu - Tidak Berlampu	20 / tiang / panel
PETI CAHAYA DIOD PEMANCAR CAHAYA (<i>LED Lightbox</i>)	150 / tiang / panel
BEBAT TIANG (<i>Pillar Wrap</i>)	300 / tiang

Jadual 2: Bayaran Fi Pemprosesan

ii. **Bayaran Caj Pendudukan**

- ✓ Bayaran caj pendudukan tahun pertama perlu dijelaskan oleh pemohon selepas mendapat Surat Tawaran Bersyarat mendirikan struktur paparan iklan daripada KKR **dalam tempoh 90 hari** dari tarikh surat tersebut.

- ✓ Caj pendudukan perlu dijelaskan secara tahunan. Jika kelulusan melebihi satu tahun, pemohon perlu membayar caj pendudukan tahun berikutnya **2 bulan** sebelum berakhirnya tempoh tahun sebelumnya.

Contoh Pengiraan Tarikh Bayaran Caj Pendudukan:-

Kelulusan yang diberikan adalah seperti berikut: 3 tahun (2 Mac 2020-1 Mac 2023)

Bayaran Tahun Pertama: 2 Mac 2020

Bayaran Tahun Kedua: Selewat-lewatnya 1 Januari 2021

Bayaran Tahun Ketiga: Selewat-lewatnya 1 Januari 2022)

- ✓ Kadar caj pendudukan adalah seperti di **Jadual 3**. Kadar caj pendudukan adalah berbeza mengikut jenis struktur dan zon berdasarkan lokasi permohonan yang ditawarkan.
- ✓ Huraian setiap zon adalah seperti di **Jadual 4**.

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

JENIS PAPARAN IKLAN		KADAR BAYARAN SETAHUN		
		ZON 1	ZON 2	ZON 3
INDUK	SUB	RM	RM	RM
POLE	<i>Minipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	20,000	15,000	10,000
	<i>Unipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	30,000	20,000	10,000
	<i>Twinpole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan	30,000	20,000	10,000
	Lain-lain	20,000 – 30,000	15,000 – 20,000	10,000 – 15,000
FREESTANDING		10,000	7,000	5,000
GANTRI	Keseluruhan gerbang gantri	50,000	35,000	20,000
	Pada bahagian belakang gantri sedia ada	5,000	3,000	2,000
	Lain-Lain	10,000 - 50,000	7,000 - 35,000	2,000 - 20,000
PARAPET		15,000	10,000	6,000
IKLAN ELEKTRONIK (I-BOARD)		50,000	35,000	20,000
LIGHT BOX		150	150	150
PETI CAHAYA DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED LIGHTBOX bagi setiap panel)		3,500	3,500	3,500
BEBAT TIANG (PILLAR WRAP)		1,400	1,000	800

Jadual 3: Kadar Caj Pendudukan

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

ZON	HURAIAN
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; dan Laluan-laluan utama ke / dari mana-mana lapangan terbang / pelabuhan / pintu masuk utama negara, bandar pelancongan dan bandar dalam perindustrian.
2	Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Kuching Selatan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
3	Majlis-Majlis Daerah / Perbandaran atau kawasan-kawasan lain yang tidak dinyatakan di dalam Zon 1 dan Zon 2.

Jadual 4: Huraian Zon Lokasi

F. WANG CAGARAN

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab Lebuh raya**)*

- i. Pemohon yang berjaya hendaklah mengemukakan **wang cagaran dalam bentuk Jaminan Bank (Bank Guarantee)** seperti di **Jadual 5** atas nama Kerajaan Malaysia sebagai jaminan dan merupakan kriteria bagi syarat kelulusan.
- ii. Wang cagaran / jaminan bank di atas adalah bagi tujuan seperti berikut:
 - a) menurunkan struktur paparan iklan sedia ada sekiranya syarat-syarat kelulusan tidak dipatuhi;
 - b) menurunkan struktur paparan iklan yang telah tamat tempoh kelulusan apabila pemohon tidak mengalihkannya sejurus selepas tamat tempoh kelulusan;
 - c) menurunkan struktur paparan iklan yang tidak sempurna atau tidak selamat; dan/atau
 - d) untuk melunaskan tunggakan caj pendudukan yang gagal dibayar oleh pemohon bagi tempoh kelulusan.
- iii. Tempoh sah laku wang cagaran perlu meliputi **keseluruhan tempoh kelulusan dengan tambahan tempoh 1 tahun** kepada tarikh akhir kelulusan.
(Contoh: Sekiranya tempoh kelulusan diberi selama 3 tahun mulai 2 Januari 2018 hingga 1 Januari 2021, tempoh sah laku wang cagaran yang perlu dikemukakan adalah bermula pada 2 Januari 2018 hingga 1 Januari 2022 (3 tahun tempoh kelulusan + 1 tahun tambahan)).

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

JENIS PAPARAN IKLAN		JUMLAH JAMINAN BANK		
		ZON 1	ZON 2	ZON 3
INDUK	SUB	RM	RM	RM
POLE	<i>Minipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	20,000	15,000	10,000
	<i>Unipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	30,000	20,000	10,000
	<i>Twinpole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan	30,000	20,000	10,000
	Lain-lain	20,000 – 30,000	15,000 – 20,000	10,000 – 15,000
FREESTANDING		10,000	7,000	5,000
GANTRI	Keseluruhan gerbang gantri	50,000	35,000	20,000
	Lain-Lain	10,000 - 50,000	7,000 - 35,000	2,000 - 20,000
PARAPET	(i) Jejambat (ii) Jejantas	15,000	10,000	6,000
IKLAN ELEKTRONIK (I-BOARD)		50,000	35,000	20,000
LIGHT BOX		150	150	150
PETI CAHAYA DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED LIGHTBOX)		3,500	3,500	3,500
BEBAT TIANG (PILLAR WRAP)		1,400	1,000	800

Jadual 5: Jumlah Jaminan Bank

G. INSURAN TANGGUNGAN AWAM

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk kawasan di dalam **rizab Lebuhraya**)*

- i. Pihak pemohon hendaklah mengambil **Insuran Tanggungan Awam** (*Public Liability Insurance*) bagi melindungi Kerajaan Malaysia / JKR / LLM / PBT dan pihak konsesi lebuhraya daripada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga akibat daripada pembinaan struktur iklan tersebut.

- ii. Perlindungan ini hendaklah meliputi **keseluruhan tempoh kelulusan dengan tambahan tempoh 1 tahun** kepada tarikh akhir kelulusan. Had tuntutan maksimum adalah **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta sahaja)** bagi **setiap tuntutan di mana bilangan tuntutan adalah tidak terhad.**

(Contoh: Sekiranya tempoh kelulusan diberi selama 3 tahun mulai 2 Januari 2018 hingga 1 Januari 2021, tempoh perlindungan yang perlu dikemukakan adalah bermula pada 2 Januari 2018 hingga 1 Januari 2022 (3 tahun tempoh kelulusan + 1 tahun tambahan).

H. PROSES PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN

(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut untuk proses permohonan kawasan di dalam **rizab Lebuh raya**)

- i. Proses bagi setiap permohonan mendirikan struktur paparan iklan di dalam rizab Jalan Persekutuan kepada KKR adalah seperti berikut: (**Carta alir proses permohonan seperti di Lampiran A**)
- ii. Pemohon perlu mendapatkan butiran terperinci berkenaan lokasi paparan iklan yang ingin dipohon seperti berikut:
 - a. Negeri dan daerah bagi lokasi permohonan;
 - b. PBT yang berkuasa bagi lokasi permohonan;
 - c. * JKR Daerah yang berkuasa bagi lokasi permohonan;
 - d. * Nombor laluan / jalan;
 - e. * Nama laluan / jalan;
 - f. * Nombor seksyen / Kilometer;
 - g. Arah paparan iklan (Contoh: Dari Bandar Klang ke Bandar Petaling Jaya dsb.);
 - h. Koordinat GPS;
 - i. Nombor tiang lampu (bagi permohonan paparan iklan jenis *Lightbox* / *LED Lightbox*) ATAU nombor tiang jalan (bagi permohonan paparan iklan jenis *Pillar Wrap*);
 - j. Pelan Lokasi;
(sila rujuk Lampiran A bagi contoh Pelan Lokasi)
 - k. Pelan lakaran struktur iklan oleh PE; dan
(sila rujuk Lampiran A bagi contoh Pelan lakaran struktur)
 - l. Gambar Lokasi berwarna.
(sila rujuk Lampiran A bagi contoh Gambar Lokasi)

***Nota: Pemohon boleh merujuk di JKR Daerah yang berkaitan bagi memastikan maklumat tersebut adalah tepat sebelum proses permohonan selanjutnya. Permohonan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh ditolak oleh KKR.**

- iii. Bagi struktur paparan iklan jenis *Pole*, *Freestanding*, *Gantri*, *Parapet* dan Iklan Elektronik (*i-Board*):
 - a. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) melalui capaian **<http://esite.kkr.gov.my>**.
- iv. Bagi struktur paparan iklan jenis *Lightbox*, *LED Lightbox* dan *Pillar Wrap*:

- a. Permohonan hendaklah dibuat secara manual dengan mengisi **Borang PIM-1/KKR** yang boleh dimuat turun di capaian <http://esite.kkr.gov.my>.
- v. Sekiranya terdapat kes di mana permohonan mendirikan struktur paparan iklan melibatkan pihak ketiga (cth: Majlis Daerah, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Pemilik Struktur Jejantas, dsb.) yang juga merupakan agensi berkuasa ke atas jalan tersebut, atau struktur paparan iklan tersebut, maka pemohon dinasihatkan untuk merujuk terlebih dahulu dengan agensi atau syarikat yang berkaitan. Surat ulasan / pandangan / sokongan daripada pihak ketiga perlu dikemukakan kepada KKR semasa permohonan dibuat. Syarat dan ulasan pihak ketiga akan diambil kira semasa memberi tawaran kepada pemohon;
- vi. Slip permohonan (permohonan melalui sistem esite) / Borang permohonan (permohonan melalui borang manual) yang lengkap bersama-sama dokumen berikut hendaklah dihantar melalui serahan tangan atau pos berdaftar kepada:

**Bahagian Pembangunan dan Penswastaan
Tingkat 4 Blok A
Kementerian Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur**

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN	
DOKUMEN	BILANGAN SALINAN
Slip Cetakan Permohonan (bagi permohonan melalui sistem esite KKR) ATAU Borang permohonan PIM-1/KKR (bagi permohonan struktur <i>Lightbox</i> , <i>LED Lightbox</i> & <i>Pillar Wrap</i> sahaja)	1
Borang PI-1/KKR (bagi permohonan melalui sistem esite KKR)	1
Pelan Lokasi (sila rujuk Lampiran A bagi contoh Pelan Lokasi)	3
Pelan Lakaran Struktur Iklan oleh PE (sila rujuk Lampiran A bagi contoh Pelan Lakaran PE)	3

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

Gambar Sebenar di Lokasi Berwarna (sila rujuk Lampiran A bagi contoh Gambar Sebenar di Lokasi)	3
Surat Ulasan/Sokongan Pihak Ketiga (jika ada)	1 (Salinan Asal)
Bayaran Fi Pemprosesan (sila rujuk Jadual 2)	1 (Salinan Asal)

- vii. KKR akan memajukan permohonan yang lengkap kepada JKR Daerah / JKR Jajahan yang berkaitan bagi ulasan teknikal melalui sistem esite (bagi permohonan yang dibuat melalui sistem esite) atau melalui surat (bagi permohonan secara manual: paparan iklan jenis *Lightbox*, *Pillar Wrap* dan *LED Lightbox*)
- viii. JKR Daerah / JKR Jajahan akan memajukan ulasan teknikal yang telah disahkan oleh Jurutera Daerah / Jajahan yang berkaitan kepada Cawangan Senggara dan Fasiliti Jalan (CSFJ, JKR) bagi ulasan teknikal yang seterusnya melalui sistem esite bagi permohonan yang dibuat melalui sistem esite (bagi permohonan yang dibuat melalui sistem esite) atau melalui surat (bagi permohonan secara manual: paparan iklan jenis *Lightbox*, *Pillar Wrap* dan *LED Lightbox*)
- ix. KKR akan membawa permohonan yang telah lengkap diulas oleh JKR Daerah/ Jajahan dan CSFJ dari segi aspek teknikal kepada Jawatankuasa Paparan Iklan, KKR (JKPI) bagi mendapatkan perakuan jawatankuasa.
- x. Permohonan yang sudah diperaku dalam Jawatankuasa Paparan Iklan, KKR akan dibawa kepada YB Menteri Kerja Raya bagi mendapatkan keputusan sama ada permohonan tersebut lulus atau tidak.
- xi. KKR/LLM akan mengeluarkan:
 - a) **SURAT TAWARAN BERSYARAT** untuk memaklumkan pemohon yang berjaya bagi mengemukakan **SEMUA** dokumen berikut dalam tempoh **90 HARI** kepada KKR/LLM daripada tarikh Surat Tawaran Bersyarat:

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

SENARAI SEMAK DOKUMEN PENERIMAAN SURAT TAWARAN BERSYARAT	
DOKUMEN	
(i)	Perakuan Setuju Terima: - Borang PI-1A/KKR bagi permohonan yang telah dipohon melalui esite; atau - Borang PIM-1A/KKR bagi permohonan yang telah dipohon secara manual.
(ii)	Bayaran <u>Caj Pendudukan Tahun Pertama dalam bentuk kiriman wang / wang pos / draf bank atas nama KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN KERJA RAYA;</u> <i>(sila rujuk sub-topik Bayaran Caj Pendudukan)</i>
(iii)	Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank atas nama KERAJAAN MALAYSIA; <i>(sila rujuk sub-topik Wang Cagaran)</i>
(iv)	Polisi Insurans Tanggungan Awam (Public Liability Insurance); <i>(sila rujuk sub-topik Insurans Tanggungan Awam)</i>
(v)	Perakuan Pelan Struktur & Pelan Lokasi: - Borang PI-2/KKR bagi permohonan yang telah dipohon melalui esite atau Borang PIM-2/KKR bagi permohonan yang telah dipohon secara manual) -Dilampirkan bersama tiga (3) salinan pelan struktur yang telah disahkan oleh PE/PEPC dan dicop terima oleh Pejabat Jurutera Daerah/Jurutera Jajahan yang berkenaan kepada KKR);
(vi)	Surat kelulusan / sokongan kependudukan / merancang daripada <u>Pihak Berkuasa Tempatan/ CAAM dan agensi yang terlibat yang berkaitan; dan</u>
(vii)	Surat Pengesahan daripada syarikat pembekal elektrik bahawa kos elektrik (sekiranya menggunakan sebarang pencahayaan termasuk <i>floodlight</i>) adalah ditanggung oleh pihak syarikat; ATAU Surat pengesahan daripada syarikat sekiranya sumber elektrik adalah daripada pihak ketiga (cth: pemilik bangunan berhampiran) atau menggunakan sumber lain (cth: Genset).

**Nota: Sekiranya pemohon menghantar dokumen yang tidak lengkap, permohonan berkaitan akan ditolak oleh KKR*

b) **SURAT MAKLUMAN** untuk memaklumkan pemohon yang tidak berjaya.

xii. **SURAT KELULUSAN MENDIRIKAN STRUKTUR** akan dikeluarkan setelah semua perkara di Perenggan xi (a) dipenuhi dan Menteri Kerja Raya berhak bagi **menentukan tempoh kelulusan dan apa-apa syarat tambahan untuk pendudukan yang diluluskan kepada pemohon.**

I. **SETELAH DILULUSKAN, pemohon bertanggungjawab untuk memenuhi SEMUA KEPERLUAN DAN BERSETUJU DENGAN SYARAT-SYARAT BERIKUT:**

i. Sentiasa mematuhi SEMUA garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam "Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab

**TATACARA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

- Jalan Persekutuan 2020” dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh KKR/JKR/LLM dari semasa ke semasa;
- ii. Mendapatkan lesen dan keperluan berkaitan daripada PBT yang berkenaan serta memenuhi syarat-syarat kependudukan dan merancang yang berkuat kuasa daripada PBT. Mematuhi lain-lain reka bentuk dan saiz struktur paparan iklan yang ditetapkan oleh KKR / LLM / JKR / PBT dari semasa ke semasa;
 - iii. Mendapatkan kebenaran permit kerja daripada JKR Daerah/JKR Jajahan/LLM sebelum pembinaan dijalankan;
 - iv. Mestilah tidak menjadi *traffic hazzard* kepada pengguna jalan raya persekutuan/lebuhraya;
 - v. Semua reka bentuk struktur paparan iklan perlu direka bentuk dan disediakan oleh jurutera profesional yang bertauliah dengan Lembaga Jurutera Malaysia;
 - vi. Mesej dan reka bentuk paparan iklan tidak mengelirukan pemandu kenderaan;
 - vii. Struktur paparan iklan tidak merosakkan dan/ atau mencemarkan keindahan alam sekitar di Jalan Persekutuan/ Lebuhraya dan juga tidak menghalang atau melindungi pandangan bangunan/ institusi/ struktur ekestetik sejarah, rumah ibadat dan komersil sedia ada;
 - viii. Tidak dibenarkan memotong, mencantas, menebang pokok-pokok sedia ada melainkan setelah mendapat kebenaran daripada JKR/LLM/PBT;
 - ix. Paparan iklan tidak mengganggu kerja-kerja penyenggaraan dan pemeriksaan terhadap struktur sedia ada seperti *pier column/* rasuk jejambat;
 - x. Bekalan elektrik untuk pencahayaan paparan iklan hendaklah dipohon daripada pihak berkuasa pembekal elektrik (menggunakan meter berasingan) dan pemohon mestilah menanggung bayaran bil elektrik yang berkaitan bagi paparan iklan tersebut;
 - xi. Mematuhi apa-apa syarat reka bentuk dan struktur paparan iklan yang telah ditetapkan di dalam pelan yang telah diluluskan dan apa-apa syarat yang telah ditetapkan di dalam Surat Tawaran Bersyarat dan Surat Kelulusan Mendirikan Struktur;
 - xii. Memasang rel penghadang (*guardrails*) sekiranya diarahkan oleh KKR/JKR/LLM di tempat di mana struktur paparan iklan itu dijangka membahayakan pengguna jalan;
 - xiii. Tidak mengganggu kelancaran trafik di kawasan tersebut semasa kerja-kerja membina, menyelenggara dan/atau menurunkan struktur paparan iklan;
 - xiv. Pemilik struktur pada setiap masa adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan struktur paparan iklan sentiasa berada dalam keadaan selamat, kukuh dan bersih. Bahagian belakang struktur paparan iklan atau mana-mana bahagian paparan iklan yang tidak terlibat dengan iklan mestilah dicat dan ditentukan supaya dalam keadaan bersih dan kemas;
 - xv. Memastikan permukaan hadapan paparan iklan menghala/menghadap ke arah Jalan Persekutuan seperti yang telah dipohon oleh pemohon;

- xvi. Mematuhi syarat-syarat mesej dan reka bentuk struktur paparan iklan yang ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa yang lain;
- xvii. Bagi struktur paparan iklan yang mempunyai lampu penyuluh atau bercahaya, pencahayaan dari paparan iklan itu mestilah tidak mengganggu penglihatan dan tidak terlalu terang sehingga menyebabkan silau kepada pengguna jalan;
- xviii. Pemilik struktur dikehendaki mengemukakan **laporan integriti struktur** dari PEPC kepada KKR dan JKR setiap tahun. Laporan integriti struktur tersebut harus dikemukakan bersama borang PI-3/KKR kepada Kementerian berserta bayaran tahun berikutnya 2 bulan sebelum berakhirnya tempoh tahun semasa;
- xix. Pemilik struktur **DIWAJIBKAN** mempamerkan nombor kelulusan KKR dan tempoh kelulusan serta nama syarikat yang mendapat kelulusan di struktur paparan iklan yang didirikan dengan saiz yang boleh dilihat dengan jelas dari jarak 50 meter daripada struktur paparan iklan;
- Contoh:-

KKR/PI/F/2020/04/016
6 JUN 2020 – 5 JUL 2023

OUTDOORADS

- xx. Selaras dengan Seksyen 84, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), KKR berhak mengarahkan supaya struktur paparan iklan dirobuhkan sekiranya mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kelulusan tidak dipatuhi dengan mengeluarkan notis dan sebarang kos yang terlibat adalah ditanggung oleh pihak pemilik struktur;
- xxi. Pemilik struktur bersetuju memberi kebenaran kepada KKR/JKR/LLM bagi menggunakan struktur paparan iklan untuk tujuan promosi Kerajaan tanpa dikenakan sebarang caj dan tuntutan kerugian;
- xxii. Pemilik struktur tidak boleh memindah struktur sedia ada atau membina struktur tambahan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada KKR/JKR/LLM;
- xxiii. Bersetuju membenarkan KKR/LLM menggunakan Jaminan Bank yang dikemukakan bagi tujuan selaras dengan seksyen 84 Akta 333 sekiranya tidak mematuhi tatacara atau arahan KKR/JKR/LLM yang telah dikemukakan melalui notis;
- xxiv. **Memastikan tiada sebarang gegantung, kain rentang atau sebarang bentuk iklan haram** di setiap lokasi yang telah diluluskan oleh KKR dengan melaksanakan operasi pembersihan;
- xxv. **DILARANG** memasang alat pemancar telekomunikasi pada struktur paparan iklan yang telah diluluskan;
- xxvi. KKR/LLM pada bila-bila masa boleh membatalkan dan menarik semula kelulusan yang telah diberikan kepada pengiklan sekiranya paparan iklan yang dibina tidak mengikut amalan kejuruteraan terbaik;
- xxvii. KKR/LLM **berhak meletakkan syarat-syarat baharu atau tambahan** atas kelulusan yang telah diberikan dari semasa ke semasa;

- xxviii. KKR/JKR/LLM **berhak mengarahkan pemilik struktur mengalihkan struktur paparan iklan ke lokasi lain atau merobohkannya** sekiranya tapak paparan berkaitan diperlukan untuk kegunaan awam dengan memberi notis 30 hari kepada pemohon. Pihak KKR/JKR/LLM adalah **tidak tertakluk dalam mana-mana peraturan untuk memberi lokasi gantian kepada pemohon tersebut**. Sekiranya pihak pemohon gagal mengalihkan atau menurunkan struktur seperti yang diarahkan di dalam notis, maka KKR/JKR/LLM berhak merobohkan atau menurunkan struktur paparan iklan itu sebaik sahaja tamat tempoh notis yang dikeluarkan. Sebarang kos yang terlibat perlu ditanggung oleh pemilik struktur **atau** Wang Cagaran akan digunakan sebagai bayaran untuk kerja-kerja perobohan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KKR/JKR/LLM.
- xxix. Mendapatkan **Sijil Kelayakan Struktur Paparan Iklan dalam tempoh 14 hari** dengan mengemukakan kepada JKR Daerah/JKR Jajahan/LLM dan disalinkan kepada KKR:
- i. **Borang PI-2A/KKR** (bagi permohonan yang telah dipohon melalui sistem esite); ATAU
 - ii. **Borang PIM-2A/KKR** (bagi permohonan yang telah dipohon secara manual)
- Satu Sijil Kelayakan Struktur Paparan Iklan akan dikeluarkan oleh JKR Daerah/JKR Jajahan/LLM jika struktur tersebut mengikut spesifikasi dan syarat yang telah diluluskan; dan
- xxx. Pemohon yang **gagal mendirikan struktur paparan iklan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Surat Kelulusan Mendirikan Struktur**, maka kelulusan yang diberikan akan **terbatal secara automatik dan bayaran caj pendudukan) tahun pertama tidak akan dikembalikan**.

J. PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH KELULUSAN

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut kawasan di dalam rizab Lebuh raya)*

- i. Permohonan untuk melanjutkan tempoh kelulusan hendaklah dikemukakan kepada KKR (*dilampirkan bersama surat kelulusan bagi tempoh terdahulu bagi rujukan KKR*) **DALAM TEMPOH 4 BULAN** terakhir sebelum tamat tempoh kelulusan tersebut.
- ii. Permohonan ini akan dianggap sebagai permohonan baharu (*bayaran fi pemprosesan akan dikenakan*). **Tempoh mula kelulusan permohonan lanjutan sekiranya lulus adalah 1 hari selepas tamat tempoh kelulusan terdahulu.** Kelulusan adalah tertakluk kepada permohonan baharu dan berdasarkan kepada tatacara dan garis panduan terkini.
- iii. **Pemilik struktur dikehendaki mengemukakan laporan integriti struktur dari PEPC kepada KKR dan JKR bersama borang PI-3/KKR (bagi permohonan yang telah dipohon melalui sistem esite) atau Borang PIM-3/KKR (bagi permohonan yang telah dipohon secara manual)**

K. PENYELENGGARAAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN SECARA TAHUNAN

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut kawasan di dalam **rizab Lebuh raya**)*

- i. Pemilik struktur paparan iklan dikehendaki membuat penyelenggaraan ke atas semua struktur paparan iklan yang dimiliki sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh satu tahun supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat, baik, bersih, kemas dan tidak membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya.
- ii. Pemeriksaan dan perakuan untuk memperolehi Sijil Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Struktur Paparan Iklan hendaklah dibuat setiap tahun oleh PE dengan menggunakan:
 - Borang PI-3/KKR** (bagi permohonan yang telah dipohon melalui sistem esite); atau
 - Borang PIM-3/KKR** (bagi permohonan yang telah dipohon secara manual)untuk dikemukakan kepada KKR/JKR/LLM dalam tempoh **2 bulan** terakhir setiap tahun.
- iii. Kegagalan mengemukakan **Borang PI-3/KKR** atau **Borang PIM-3/KKR** akan mengakibatkan KKR tidak teragak-agak untuk menarik balik kelulusan dan pemohon diminta merobohkan struktur paparan iklan tersebut. Selaras dengan seksyen 84 Akta 333 sekiranya pemohon gagal merobohkan struktur iklan seperti yang diarahkan, Wang Cagaran akan digunakan sebagai bayaran untuk kerja-kerja perobohan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KKR/JKR/LLM dan apa-apa lebihan perbelanjaan hendaklah dituntut melalui tuntutan sivil.

L. TAMAT TEMPOH KELULUSAN

*(Nota: sila rujuk **Garis Panduan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mendapatkan perincian lanjut kawasan di dalam **rizab Lebuh raya**)*

- i. Sekiranya pemilik struktur tidak berminat untuk memohon kelulusan lanjutan bagi struktur paparan iklan, pihak pengiklan hendaklah memohon kepada KKR/LLM bagi mendapatkan surat **Pelepasan Jaminan Bank (Bank Guarantee)** sebaik sahaja tempoh kelulusan tamat.
- ii. Satu lawatan dan pemeriksaan oleh KKR/JKR/LLM akan dibuat bagi meninjau kawasan tapak berkenaan bagi memastikan ia telah dibersihkan dan dibaikpulih seperti keadaan asal. KKR/LLM/JKR akan mengeluarkan surat pelepasan dalam tempoh **satu (1) bulan** dari tarikh pemeriksaan dijalankan dan setelah kerja-kerja pembersihan dan baikpulih diterima sepenuhnya.
- iii. Laporan bergambar di tapak bagi kerja-kerja pengalihan yang telah dijalankan perlu dikemukakan oleh syarikat dan JKR kepada pihak kementerian sebagai bukti bergambar dan dokumen sokongan.

M. PENGUATKUASAAN PAPARAN IKLAN

- i. Sekiranya KKR/LLM/JKR mendapati mana-mana struktur paparan iklan luar yang berada di jalan rizab Persekutuan / lebuh raya melanggar mana-mana prinsip tersebut di atas, KKR/LLM mempunyai kuasa untuk membatalkan kelulusan serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.
- ii. KKR/LLM/JKR berhak mengarahkan pihak pemohon mengalihkan struktur paparan iklan ke lokasi lain atau merobohkan / membuka sekiranya diperlukan dengan memberi notis awal dan pihak pemohon mestilah menanggung kesemua kos tersebut.
- iii. KKR/LLM/JKR berhak merampas wang cagaran (Jaminan Bank) jikalau pihak pemohon gagal mengalihkan / merobohkan struktur paparan iklan seperti yang diarahkan dan kesemua kos yang terlibat dikehendaki ditanggung oleh pihak pemohon.
- iv. KKR/LLM/JKR atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan tatacara ini tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian



LAMPIRAN A

**CARTA ALIR PROSES KERJA
PERMOHONAN MENDIRIKAN
STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN**




CARTA ALIR

PROSES KERJA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN

Mulai bulan Jun 2017:		
<ul style="list-style-type: none"> Permohonan bagi struktur iklan jenis Pole, Freestanding, Gantri, Parapet dan Iklan Elektronik (i-Board) hendaklah dikemukakan secara atas talian (Online) melalui laman web. http://esite.kkr.gov.my/ Permohonan bagi struktur Lightbox, LED Lightbox & Pillar Wrap hendaklah dikemukakan secara manual (borang boleh dimuatturun melalui laman web http://esite.kkr.gov.my/) 		
PROSES	PERINCIAN	
PROSEDUR BAGI MENDAPATKAN KELULUSAN		
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> PEMOHON[PEMOHON] PEMOHON --> BPP_KKR1[BPP, KKR] BPP_KKR1 -- LINGKAP --> JD_JKR_DAERAH[JD, JKR DAERAH] BPP_KKR1 -- TIDAK --> PEMOHON JD_JKR_DAERAH --> CSFJ_JKR[CSFJ, JKR] CSFJ_JKR --> BPP_KKR2[BPP, KKR] </pre>	<p>Pemohon mencari maklumat lokasi paparan iklan yang ingin dipohon</p>	<p>Antara butiran penting yang perlu diperoleh oleh pemohon secara tepat:</p> <ol style="list-style-type: none"> Nombor laluan jalan*; Nombor Seksyen dan KM jalan*; Koordinat GPS lokasi permohonan; JKR Daerah yang berkuasa bagi lokasi jalan yang ingin dipohon*; Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi lokasi yang ingin dipohon; Dan lain-lain maklumat seperti yang perlu diisi pada borang permohonan di sistem esite (http://esite.kkr.gov.my) <p>*Maklumat ini boleh diperoleh dengan bertanya kepada Pejabat JKR Daerah/Jajahan yang berkaitan bagi lokasi paparan iklan yang ingin dipohon</p>
<p>Pemohon mengisi borang permohonan.</p>	<p>Bagi struktur paparan iklan jenis Pole, Freestanding, Gantri, Parapet, Paparan Kontena dan Iklan Elektronik (i-Board) - Permohonan hendaklah melalui sistem esite: http://esite.kkr.gov.my</p> <p>Bagi struktur paparan iklan Lightbox, LED Lightbox dan Pillar Wrap: - Permohonan hendaklah secara manual melalui borang (Muat turun di laman web esite: http://esite.kkr.gov.my)</p>	
<p>Pemohon menghantar permohonan kepada Bahagian Pembangunan & Penswastaan, Kementerian Kerja Raya (BPP, KKR) melalui serahan tangan / surat berdaftar.</p>	<p>Senarai semak (Checklist) dokumen permohonan</p> <ol style="list-style-type: none"> Borang PI-1/KKR (bagi permohonan melalui sistem esite) ATAU Borang PIM-1/KKR (bagi permohonan secara manual); Slip cetakan permohonan di esite (bagi struktur iklan jenis Pole, Freestanding, Gantri, Parapet, Paparan Kontena dan Iklan Elektronik (i-Board); Pelan Lokasi berwarna (3 Salinan); Gambar Sebenar di Lokasi berwarna (3 Salinan); Pelan Lakaran Struktur Iklan oleh Jurutera Bertauliah— Saiz A3(3 Salinan); Bayaran Fi Pemprosesan; Surat Ulasan / Sokongan Pihak Ketiga (jika ada); dan Laporan Integriti Struktur oleh Jurutera Bertauliah (bagi permohonan pelanjutan tempoh ATAU struktur paparan telah sedia ada di tapak). <p>*Permohonan yang tidak disertakan dengan dokumen di atas beserta bayaran fi pemprosesan dalam tempoh 21 HARI tidak akan diproses dan secara automatik terbatal.</p>	
<p>BPP, KKR</p> <p>TIDAK</p> <p>LINGKAP</p> <p>YA</p>	<p>BPP, KKR menyemak dokumen dan butiran permohonan</p>	<p>Sekiranya butiran dan dokumen permohonan lengkap, BPP KKR akan memajukan permohonan kepada Jurutera Daerah/Jajahan, JKR Daerah yang berkaitan melalui sistem e-site atau melalui surat (sekiranya permohonan manual bagi struktur Lightbox, LED Lightbox & Pillar Wrap)</p>
<p>JD, JKR DAERAH</p>	<p>JKR Daerah membuat ulasan teknikal</p>	<p>Ulasan teknikal lengkap akan dimajukan kepada Cawangan Senggara Fasilitas Jalan (CSFJ, JKR) melalui sistem e-site atau melalui surat (sekiranya permohonan manual bagi struktur Lightbox, LED Lightbox & Pillar Wrap)</p>
<p>CSFJ, JKR</p>	<p>CSFJ,JKR membuat ulasan teknikal</p>	<p>Ulasan teknikal lengkap akan dimajukan kepada BPP, KKR melalui sistem e-site atau melalui surat (sekiranya permohonan manual bagi struktur Lightbox, LED Lightbox & Pillar Wrap)</p>
<p>BPP, KKR</p> <p>Bersambung di halaman seterusnya...</p>	<p>BPP, KKR menyemak ulasan permohonan</p>	<p>Ulasan lengkap akan dibawa kepada Jawatankuasa Paparan Iklan (JKPI) KKR</p>

CARTA ALIR (Sambungan..)

PROSES KERJA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM RIZAB JALAN PERSEKUTUAN

	PROSES	PERINCIAN
<p>SAMBUNGAN... ↓</p> 	<p>Jawatankuasa Paparan Iklan (JKPI) KKR membuat pengesyoran kelulusan/ penolakan permohonan</p>	
	<p>BPP, KKR membawa pengesyoran tersebut kepada YB Menteri Kerja Raya melalui Ketua Setiausaha KKR untuk kelulusan YB Menteri</p>	
	<p>YB Menteri Kerja Raya memberi keputusan kelulusan / penolakan</p>	
<p>GAGAL ↓ LULUS ↓</p> 		
<p>GAGAL ↓ LULUS ↓</p> 	<p>BPP, KKR akan mengeluarkan surat keputusan kepada pemohon</p>	<p>BPP, KKR akan mengeluarkan SURAT TAWARAN BERSYARAT kepada pemohon jika LULUS; ATAU BPP, KKR akan mengeluarkan SURAT MAKLUMAN kepada pemohon jika GAGAL.</p>
<p>↓ ↓</p> 	<p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam SURAT TAWARAN BERSYARAT</p>	<p>Dalam tempoh 90 HARI dari tarikh Surat Tawaran, pemohon perlu mengemukakan kepada BPP, KKR:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat perakuan setuju terima (Borang PI-1A/KKR (bagi permohonan melalui sistem esite) ATAU Borang PIM-1A/KKR (bagi permohonan secara manual)); ii. Perakuan Pelan Struktur & Rekabentuk yang disahkan Jurutera Profesional (Borang PI-2/KKR (bagi permohonan melalui sistem esite) ATAU Borang PIM-2/KKR (bagi permohonan secara manual)); iii. Bayaran Caj Sewaan Tahun Pertama; ii. Wang Cagaran (Jaminan Bank); iii. Insuran Tanggungan Awam; iv. Surat kelulusan / sokongan kependudukan / merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan; dan v. Pengesahan daripada syarikat pembekal elektrik bahawa kos elektrik (sekiranya menggunakan sebarang pencahayaan) adalah ditanggung oleh pihak syarikat; ATAU Surat pengesahan daripada syarikat sekiranya sumber elektrik adalah daripada pihak ketiga (Cth: <i>pemilik bangunan berhampiran</i>) atau menggunakan sumber lain (Cth: <i>Genset</i>) <p><i>* Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan lanjutan tempoh mengemukakan dokumen dalam tempoh 14 HARI sebelum tarikh tamat tempoh 90 hari tersebut sekiranya terdapat kesulitan dalam menyediakan mana-mana dokumen.</i></p>
